

# Apakah Muslihat MCA Jumpa Pak Lah?

Oleh: **PENULIS ERA BARU**

Era Baru - 18/8/2006

**PARTI** MCA yang diketuai oleh Presidennya, Datuk Seri Ong Kah Ting telah menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di kediamannya di Putrajaya, Ahad lalu, 6 Ogos 06. Kah Ting telah ditemani oleh tiga menteri penuh dan beberapa pemimpin tertinggi lain.

Ong Kah Ting menjelaskan bahawa pertemuan itu hanya tertumpu kepada RMK 9 yang mana menurutnya orang-orang Cina juga mahu terlibat dalam projek besar itu.

Yang menghairankan ialah Ong Kah Ting sendiri bera da dalam kabinet dan beliau sudah tentunya mengetahui apa yang dibincangkan melainkan beliau mahu supaya MCA diberi penyertaan yang lebih luas untuk ahli-ahlinya.

Atau adakah beliau membangkitkan perkara-perkara lain yang mereka tidak mahu diketahui umum?



Datuk Seri Ong Kah Ting

Lagipun, kenapa di masa kini ketika UMNO dilihat bergolak maka mereka meng ambil kesempatan dalam keadaan Pak Lah tertekan mereka mengemukakan permintaan yang bukan-bukan kepada Pak Lah. Orang-orang UMNO mengharapkan tidak berlaku di mana Pak Lah telah diugut untuk mendapatkan sokongan MCA.

Ramai pemanggil mengharapkan agar Presiden UMNO itu memberi penerangan dan penjelasan kepada Majlis Tertinggi UMNO dan ahli-ahli lain yang menyokong Pak Lah tentang pertemuan beliau dengan pihak MCA untuk mengelakkan spekulasi di antara orang-orang UMNO yang menyokong Pak Lah sebagai Presiden, apatah lagi pemimpin MCA secara tiba-tiba mahu berjumpa dengan Pak Lah di kediamannya dan tidak di pejabat seperti yang lazimnya dilakukan.

Diharapkan juga ada pemimpin-pemimpin UMNO yang hadir bersama Pak Lah ketika itu untuk mendengar sama perbincangan tersebut kerana menurut mereka tidak adil jika orang-orang UMNO tidak menyertainya.

Mungkin, Pak Lah mempunyai sebab-sebab tertentu apabila bersetuju menemui rombongan MCA itu.